



پرسواتم

PERSATUAN WAKIL TAKAFUL AM MUSLIM
NO 43, JALAN BUNGA KERTAS 1E, BUKIT SENTOSA
48300 RAWANG, SELANGOR
perwatam@gmail.com

1 Januari 2023

Rujukan Kami : PERWATAM/SH02/2023

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato Onn
50480 KUALA LUMPUR,

Assalamualaikum,

PER: PERMOHONAN KENAIKAN BAYARAN KOMISEN EJEN DAN ISU-ISU LAIN YANG DIHADAPI WAKIL- WAKIL TAKAFUL AM

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Kami daripada Persatuan Wakil Takaful Am Muslim (PERWATAM) yang mewakili hampir 11,000 wakil Takaful Am yang berdaftar di Malaysia dengan ini memohon pihak Bank Negara Malaysia (BNM) agar dapat mengkaji dan menyemak semula garis panduan *Scale Commision Agent*. Lebih 20 tahun kadar ini tidak berubah dan wajar dikaji semula oleh pihak BNM kerana kadar komisen ini tidak lagi relevan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat saban hari.

3. Seperti yang sedia maklum, industri Takaful Am adalah di bawah seliaan Bank Negara Malaysia (BNM). Kami sebagai wakil-wakil berdaftar (ejen) daripada empat syarikat pengendali Takaful Am di Malaysia iaitu Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad, Etiqa Takaful General Berhad, Takaful Ikhlas General Berhad dan Zurich General Takaful Malaysia Berhad amat terkesan dengan garis panduan terbaru yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia iaitu *Operating Cost Controls* (OCC) yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2021 iaitu larangan memberi insentif tambahan dan konvensyen ke luar negara.

4. Kesenambungan daripada larangan insentif OCC dan kadar komisen yang rendah tersebut memberi kesan kepada pihak ejen untuk memberi komitmen berkaitan perlaksanaan usaha kerajaan pada tahun 2022 bagi cukai pegangan atau *withholding tax* (WHT) sebanyak 2% daripada jumlah keseluruhan komisen diterima bermula RM 100,000.00.

5. Pemberian diskaun tertentu bagi pelanggan yang membuat transaksi secara terus dengan pihak pengendali Takaful Am adalah tidak wajar dan perlu dikaji semula memandangkan mekanisma tersebut menjurus kepada kewujudan persaingan tidak sihat di dalam industri Takaful Am sejak sekian lama.

6. Penyelarasan gaji minima baru untuk syarikat atau agensi yang mempunyai lebih 5 pekerja yang diumumkan kerajaan baru-baru ini juga amat membebankan, kerana kos operasi meningkat sedangkan komisen yang diterima masih di takuk lama dan tiada perubahan. BNM juga perlu mengambil maklum tentang kos operasi yang perlu ditanggung oleh setiap agensi termasuk gaji pekerja, EPF, SOCSO, utiliti pejabat dan sebagainya dalam usaha mengimbangi kos sara hidup di Malaysia.

7. Data terkumpul keseluruhan industri Takaful Am di Malaysia menunjukkan lebih 60% hasil jualan pengendali Takaful Am datangnya daripada ejen yang mewakili mereka. PERWATAM merasakan suara dan keluhan daripada penyumbang terbesar dalam industri yang dinyatakan perlu didengari oleh pihak-pihak yang berkaitan kerana kami adalah antara faktor ekonomi negara terus berkembang maju serta pembayar cukai yang komited dalam usaha memberi pendapatan tinggi kepada negara..

8. PERWATAM komited dengan hasrat negara ke arah mendigitalkan ekonomi dengan cabaran terbaru yang ingin dicapai agar dapat bersaing dengan negara-negara maju di dunia. PERWATAM berharap agar perkara ini mendapat perhatian dan kerjasama segera daripada pihak BNM untuk kita bergerak lebih realistik tanpa perlu ada mereka yang terkorban bagi meneruskan mata pencarian di bumi Malaysia yang tercinta. Bersama ini disertakan *Scale Commision Agent* untuk rujukan pihak BNM dimana ianya sudah lebih 20 tahun tidak dikaji.

Kami di pihak PERWATAM dahulukan dengan ucapan terima kasih.

“Majulah PERWATAM untuk semua”

Yang berharap,



HISHAMMUDDIN BIN ABD AZIZ
Presiden PERWATAM